

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 38 RABU 20HB. SEPTEMBER, 1972. 1392 رابو 11 شعبان PERCHUMA

UMAT ISLAM DI-SERU BERUSAHA UNTOK MENGETAHUI ISI AL-QURAN

KUALA BELAIT. — Kaum Muslimin di-negeri ini telah di-seru supaya melapangkan masa untuk mengenali dan mengetahui akan isi dan maksud Al-Quran.

Ini akan dapat di-lakukan dengan cara membaca buku2 yang berhubung dengan-nya dan satu daripada buku2 itu ialah majalah Tafsir Darussalam yang di-terbitkan oleh JHEU Brunei dengan harga cuma 50 sen sa-buah, tetapi menfaat-nya sangat banyak.

Demikian menurut Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin dalam ucapan-nya ketika merasmikan pertandingan membaca Al-Quran di-Daerah Belait baru2 ini.

Di-dalam Al-Quran, kata-nya, kita menemui berbagai2 perkara di-antara-nya hukum2 fardhu 'ain, hukum2 dalam pergaulan, petunjuk2 untok kebahagiaan hidup di-dunia dan di-akhirat, perbandingan2 hidup mengenai dengan sejarah dan termasuk-lah cherita2 dan telatah manusia di-zaman dahulu kala.

Ahli2 J/K untok Menimbangkan Rayuan Penchen Umor Tua

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dengan sukachita melantik lima orang ahli Majlis Meshuarat Menteri2 menjadi ahli Jawatankuasa untok Menimbangkan Rayuan Penchen Umor Tua mulai 9hb. Ogos, 1972.

Lantekan itu di-buat ada lah menurut kuasa2 yang di-berikan oleh bab 9 dari Perintah Perlembagaan (Rayuan kepada Sultan dalam Majlis Meshuarat), 1959 dan telah di-siarkan dalam Warta Kerajaan keluaran 26hb. Ogos, 1972.

Jawatankuasa itu di-pengerusi-kan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan.

Ahli2 jawatankuasa yang lain ada-lah terdiri dari Yang Berhormat Dato Setia Awang Mohd. Taib bin Awang Haji Besar, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking, Yang Berhormat Awang Haji Sapawi bin Metassim dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Berchakap mengenai cherita2 dalam Al-Quran, beliau telah memetik kesah Nabi Allah Yusof dengan Zulaiha yang merupakan satu kesah keberahian yang memaparkan watak wanita yang tergila2 kepada kechantikan sa-orang lelaki sa-hingga ia mengajak dengan paksaan untok melakukan kepuasan tuntutan jantina.

Menurut beliau, cherita itu menunjokkan watak sa-orang pemuda yang beriman dengan tegoh-nya dan tidak boleh di-tembusi oleh godaan, pujokan dan paksaan yang bertentangan dengan keimanan.

Kemudian beliau membabit pula lapangan kesusasteraan yang melahirkan pujangga2 dan penulis2 yang menulis kesah2 manusia dan kesah2 itu juga tidak sunyi dengan unsur2 sex.

Tetapi, beliau bertanya, ada-kah nilai hidup itu di-dukkong oleh pujangga2 dan penulis2 itu dan jika ada sa-jauh mana pendukongan itu berlaku dan dapat di-sampaikan-nya kepada pembaca melalui cherita yang berunsur sex itu.

Berhubung dengan ini beliau menimbulkan sa-buah cherpen yang tersiar dalam

sa-buah akhbar tempatan yang berjudul 'hati perempuan' karangan A.S. Nurida Brunei.

Dalam cherpen itu, kata-nya, terdapat dailog2 mengenai dengan pergaulan bermesera antara teruna dara berdua2an di-tepi pantai yang pada fikiran penulis cherita itu hanya manusia yang tidak berfikiran waras dan berseh saja-lah yang menyalah artikan pergaulan bagitu.

Kemudian cherpen itu membabit hal2 ugama dengan menyen-toh kursus belia dan ugama yang menurut penulis itu tidak berapaya langsung untok di-chuntohi oleh belia2, kerana yang di-bangkitkan hanya pahala dan dosa, shorga, neraka, haram makruh.

Pengetua Hal-Ehwal Ugama itu menegaskan bahawa apa yang terikat oleh ugama, hukum halal dan haram, dosa dan pahala ada-lah meliputi seluruh hidup kita.

"Sa-titek dakwat penulis boleh terikat oleh hukum2 tersebut dan cherpen Hati Perempuan oleh A.S.

(Lihat muka 8)

KELUARAN SETEM KHAS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Besar Pos akan mengeluarkan satu set setem khas bagi memperingati penukaran Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan dalam bulan depan.

Setem2 yang berharga 50 sen, 25 sen, 15 sen dan 10 sen itu akan di-jual di-semua pejabat2 pos di-

Wang2 kertas bertarikh 1hb. Julai, 1941 hendak-lah di-tukar segera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang ramai telah di-ingatkan supaya menukar matawang2 kertas yang bertarikh sa-belum 1 haribulan Julai, 1941 yang ada dalam simpanan mereka.

Wang2 kertas itu hendaklah di-tukar dengan segera sa-belum 31hb. Disember, 1972, kerana Lembaga Penukaran tidak lagi akan menerima matawang2 kertas tersebut sa-lepas tarikh yang di-tetapan itu.

Tindakan ini di-ambil adalah berikutan dengan siaran akhbar yang di-keluarkan oleh

seluruh negeri pada 4hb. Oktober depan.

Setem2 itu akan di-jual dalam tempoh tiga bulan atau sa-hingga setem2 itu habis dalam simpanan, yang mana lebih awal.

Sampul2 surat rasmi hari pertama bagi keluaran itu sekarang di-jual di-semua pejabat2 pos dengan harga 20 sen.

Lembaga Surohanjaya2 Matawang Malaya dan British Borneo pada 4hb. Mei yang lalu yang menyatakan bahawa penilaian semula harga matawang kertas yang di-keluarkan oleh Lembaga Surohanjaya2 Matawang Malaya dan Negeri2 Selat yang bertarikh sa-belum 1hb. Julai, 1941, jika terus tidak di-tukar akan kurang nilai-nya.

Pengerusi Lembaga Matawang Brunei, dalam satu kenyataan akhbar menyatakan bahawa berikutan dengan itu, maka keputusan telah di-buat supaya orang ramai harus diberi tempoh sa-hingga 31hb. Disember, 1972 ini bagi memberi peluang untok menukarkan matawang2 kertas tersebut sekira-nya maseh ada dalam simpanan mereka.

Ini berarti bahawa matawang2 kertas yang telah turun nilai-nya itu tidak lagi akan di-terima untok di-tukar kepada nilai yang baru sa-lepas 31hb. Disember, 1972 ini.



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain beruchap sa-belum merasmikan pembukaan pertandingan membaca Quran peringkat Daerah Belait. — Gambar JHEU/BP.



NAZIR Negara Sekolah2, Awang Suni bin Haji Idris sedang menyampaikan sijil kepada salah sa-orang yang mengikuti kursus bahasa Inggeris.

Pertunjokkan pertanian di-Pusat

Pertanian Kilanas

KILANAS. — Satu pertunjokkan pertanian akan di-adakan di-Pusat Pertanian, Kilanas pada 30hb. September ini mulai jam 10.30 pagi hingga 3.00 petang.

Pertunjokkan itu di-anjor-kan khas untuk peladang2 di-Daerah Brunei/Muara dan akan di-rasmikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz Umar.

Barang2 yang akan di-pertunjokkan termasuklah padi, buah2an dan sayur2an.

Di-samping itu, tamu terbuka akan juga di-adakan pada hari itu mulai jam 3.00 hingga 6.00 petang di-tempat yang sama.

GAMBAR bawah (kiri) menunjukkan suasana ketika menuai yang di-lakukan sa-chara gotong royong, sementara gambar bawah kanan menunjukkan Pemangku Pengarah Pertanian, Awg. B.R. Hewitt melawat sawah padi yang di-usahakan oleh Haji Sidup bin Umar (di-kiri sekali).

Pelajaran asas bahasa Inggeris akan di-ajar di-Sekolah2 Rendah Melayu tahun depan

PEKAN MUARA. — Nazir Negara Sekolah2, Awang Suni bin Haji Idris berkata, pelajaran bahasa Inggeris sa-bagai bahasa kedua lebih penting di-ajarkan di-sekolah2 Melayu dalam kemajuan zaman sains dan teknologi hari ini.

Beliau berkata, mulai tahun depan, semua sekolah2 rendah Melayu akan di-berikan pelajaran asas bahasa Inggeris, yang membolehkan mereka melanjutkan pelajaran tinggi di-seorang laut.

Nadzir Negara Sekolah2 itu telah berkata demikian, sa-masa melakukan penutupan kursus bahasa Inggeris bagi lapan orang guru Melayu dari tujuh buah sekolah, di-kawasan Brunei Dua dan Higa, di-Sekolah Melayu SUAS, Muara pada hari Khamis lepas.

Awang Suni berkata, banyak lagi kursus2 seperti itu akan di-jalankan dalam tahun ini dan tahun depan supaya pelajaran bahasa Inggeris di-Sekolah2 Rendah Melayu, berjalan dengan baik, mengikut kaedah2 yang di-ranchangkan.

Awang Suni memberi jaminan kepada guru2 yang menjalani kursus itu bahawa mereka tidak hanya sa-takat menerima apa yang telah di-kursuskan itu, tetapi pada masa2 yang akan datang mereka juga akan di-berikan latihan2 lanjut.

Oleh kerana itu, kata-nya, pemilihan peserta2 yang menduduki kursus peringkat awal ini ada-lah di-utamakan bagi guru2 Melayu yang benar2 chenderong dalam Bahasa Inggeris dan berkemahuan untuk menambah pengetahuan mereka dalam bahasa tersebut.

Beliau berharap kepada guru2 itu supaya dapat menyalurkan pengajaran Bahasa Inggeris ini dengan baik-nya kepada murid2 dalam sekolah2 rendah Melayu sa-hingga murid2 itu menampakkan kebolehan mereka menguasai bahasa tersebut dengan baik-nya.

(Lihat muka 8)



AWANG Suni bin Haji Idris berucap dalam majlis penutup kursus tersebut.

Gotong royong menuai padi dua kali sa-tahun

PANGKALAN BATU. — Satu temasha menuai padi sa-chara bergotong royong telah di-adakan di-Kampung Batu Hampar, Pangkalan Batu pada minggu lepas.

Padi yang di-tanam dua kali sa-tahun itu ada-lah hasil usaha Awang Haji Sidup bin Umar dengan nasehat dan tunjuk ajar dari pegawai2 Pertanian Daerah Brunei/Muara.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pertanian berkata, jenis padi yang di-tanam oleh Awang Haji Sidup itu ia-lah jenis 'Bahagia' yang berumur 120 hari dengan sa-luas satu ekar.

Juruchakap itu menyatakan, hasil pendapatan dalam tanaman itu di-anggarkan 600 gantang.

Beliau menambah kata tanaman padi dua kali sa-tahun itu ada-lah julong2 kali di-usahakan dalam Daerah Brunei/Muara.

Di-antara yang hadir di-temasha menuai itu termasuklah Pemangku Pengarah Pertanian, Awang B.R. Hewitt; Juru-Ekopertanian, Awang M.S. Hestie; Pegawai Perkembangan Pertanian, Awang Rosli Omar; Jurutera Parit dan Tali Ayer, Awang Salleh Jalil, dan Penolong Pegawai Pertanian Daerah Brunei/Muara, Awang Haji Suhaimi bin Haji Ismail.



RAMAI orang menyatakan bahawa kejayaan dan kegagalan dalam hidup, bahagia dan menderita, murah rezeki dan sempitnya, sehat dan sakit ada-lah disebabkan oleh takdir Allah Subhanahu-Wataala dan tidak ada hubungan-nya dengan ikhtiar dan usaha2 yang di-buat oleh manusia.

Salah faham ini ada-lah berpuncha dari salah pengertian tentang takdir yang kita wajib beriman dengan-nya itu. Kerana itu tidak hairan-lah dalam masyarakat Melayu kita timbul pepatah yang mengatakan "rezeki sa-chupak tidakan jadi sa-gantang", "yang sa-jenkal tidak dapat jadi sa-depa", "untung sabut timbul untung batu tenggelam" dan lain2 yang mana pepatah2 itu jelas menggambarkan betapa kuat-nya masyarakat kita berpegang dengan sikap ini.

Sabener-nya sikap menganggap takdir menentukan nasib ada-lah berlawanan dengan ajaran Islam yang sabener-nya. Kerana kalau-lah takdir menentukan segala2-nya apa-lah perlu-nya Nabi Mohammad s.a.w. berperang dalam 72 medan pertemporan untuk menegakkan Ugamma Islam. Kalau-lah takdir menentukan segala2-nya, mengapakah orang2 Islam yang telah dijanjikan oleh Allah dalam Al-Quran bahawa "Kemuliaan itu untuk Allah, Rasul-nya dan kaum muslimin", sekarang dalam kemunduran di-merata dunia sa-lepas mereka menchapai keagongan-nya di-zaman yang silam. Sebab-nya ia-lah orang2 Islam tidak berusaha seperti yang di-ajarkan oleh Al-Quran sendiri. Allah Subhanahu-Wataala telah menegaskan di-dalam Al-Quran yang bermaksud:

"Pada hari itu keluar-lah manusia dari kubur dengan berasing2an supaya di-perlihatkan amalan mereka, maka siapa yang mengerjakan amal2an kebajikan walau pun sa-besar zarah sekalipun, dia akan melihat balasan itu dan siapa yang melakukan kejahatan walau pun sa-besar zarah sekalipun dia akan melihat balasan-nya".

Saidina Umar bin Al-Khatib r.a. pernah berkata yang bermaksud:

Sa-seorang kamu tidak harus berdiam diri dari menchari rezeki, pada hal ia-nya mengetahui bahawa langit itu tidak menurunkan hujan emas atau perak".

Islam mengajar bahawa Allah menentukan segala2-nya, tetapi Allah telah memberi dan membekalkan beberapa kebolehan2 kepada manusia dan manusia di-suruh berikhtiar ia itu menggunakan kebolehan2 yang telah di-beri oleh Allah tadi. Manusia di-beri akal, kuat tubuh badan, perasaan dan pancha indera. Di-samping itu manusia di-beri petunjuk

dalam bentuk Al-Quran dan sunnah Rasul-nya untuk jadi panduan manusia yang mana manusia boleh memilih jalan yang baik dan mendapat keselamatan atau jalan yang sesat dan mendapat penderitaan.

Islam ada-lah menegaskan bahawa apa yang terkena pada diri manusia perseorangan atau umat samada baik atau jahat kesemua-nya hasil dari tindakan yang telah di-lakukan oleh mereka serta mengikut sunnah Tuhan dan undang2 'alam ini tidak-lah berlawanan dengan apa yang di-sebut bahawa tiap2 sa-suatu di-alam ini berlaku sesuai dengan qadha dan qadar Allah tanpa berkesan dengan kedua2-nya.

Qadha dan qadar Allah itu sabener-nya tidak lain daripada ilmu Allah yang meliputi seluruh 'alam dengan segala kejadian di-dalam-nya yang mana Allah memang mengetahui barang yang telah berlaku dan yang akan berlaku. Maka apa saja yang berlaku kepada manusia atau makhluk lain-nya yang tertulis dalam kitab 'alam ini ada-lah menjadi tanda bagi ilmu Allah yang meliputi seluruh 'alam. Dan terchatet-nya dalam buku yang tidak di-ketahui oleh sa-siapa pun sa-lain daripada Allah itu-lah yang di-namakan qadha atau qadar atau apa yang selalu di-sebut sa-bagai takdir.

Ilmu Allah itu tidak sedikit pun mengganggu kebebasan manusia untuk bekerja dengan ikhtiar-nya sendiri sama ada memilih jalan yang baik atau yang jahat dan tidak memaksanya untuk menentukan salah satu dari dua jalan itu.

Sikap menganggap takdir menentukan nasib ada-lah berlawanan dgn ajaran Islam



KHUTBAH JUMA'AT

Allah telah memberi dan membekalkan beberapa kebolehan2 kepada manusia dan manusia di-suruh berikhtiar menggunakan kebolehan2 yang di-berikan Allah itu.

Oleh kerana manusia itu tidak mengetahui ketentuan2 atau takdir yang telah di-buat oleh Allah, maka jangan-lah kita hanya berserah kepada takdir dengan tidak melakukan ikhtiar dan usaha. Mari-lah kita memperjuangkan hidup kita dengan berdasarkan kenyataan dan sunnah Allah yang tetap, bukan berdasarkan khayalan dan sangkaan samata2 yang boleh membawa kita lemah dan mundur dalam segala lapangan dengan berlinggong di-bawah nama berserah kepada takdir dengan tidak mengetahui maana yang sa-bener-nya. Tuhan telah firman yang bermaksud:

"Allah tidak akan mengubah apa yang ada pada sa-suatu kaum itu hingga-lah kaum itu sendiri mengubah apa yang ada pada mereka".

PERTANDINGAN MEMBACHA QURAN ANJORAN INSAP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Ikatan Setia Pahlawan rengkas-nya INSAP akan menganjorkan satu pertandingan membacha Quran dalam bulan depan sa-bagai merayakan sambutan Isra'-Me'raj.

Pertandingan tersebut akan di-adakan sa-lama tiga hari mulai 5hb. Oktober bertempat di-bangunan persatuan tersebut di-Kampung Setia Pahlawan.

Pertandingan itu, terbuka kepada semua persatuan2 belia, maktab2 dan badan2 kebajikan di-seluruh negeri ini.

Ia-nya di-bahagikan kepada dua bahagian — lelaki dan perempuan.

Borang2 masuk boleh didapati dari Awang Abu Bakar bin Abdul Rahman di-Jabatan Kebajikan, dan Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, di-Jabatan Hal Ehwal Ugamma, Bandar Seri Begawan.

Borang2 tersebut, hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 28hb. September ini.

Sa-orang juruchakap bagi Jawatankuasa Penganjur Pertandingan itu berkata, kenderaan akan di-sediakan, untuk mengambil para peserta ka-Kampung Setia Pahlawan.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 20hb. September, 1972 hingga ka-hari Selasa 26hb. September, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
20hb. Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-54	6-10
21hb. Sept.	12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
22hb. Sept.	12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
23hb. Sept.	12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
24hb. Sept.	12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
25hb. Sept.	12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
26hb. Sept.	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(20hb. Septembar, 1972).

SOAL PENULIS

PENGETUA Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin O.K. Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin baru2 ini telah menimbulkan tentang sa-buah cherpen yang menurut beliau telah membabit ugama dan mensifatkan pengarang cherpen itu sa-olah2 tidak percaya akan hukum2 Allah.

Kemudian-nya beliau meragui akan pegangan ugama penulis cherpen itu sendiri ia-itu apakah penulis itu sa-orang Islam atau bukan.

Apa yang menarik perhatian kita ia-lah sikap penulis tanah ayer sama ada ia-nya sa orang Islam mahu pun bukan. Le-beh2 lagi penulis yang berugama Islam, maka ternyata benar yang sa-saorang penulis Islam itu tidak wajar, malah tidak harus melahirkan karya2-nya yang ada bau2 menentang ajaran2 Ugama Islam ia-itu ugama-nya sendiri. Perbuatan ini bukan hanya berdosa di-sisi Tohan yang maha esa, tetapi juga merupakan satu bahaya yang amat besar terhadap ugama kita yang maha suci dimana ia-nya boleh merachuni-nya.

Penulis2 yang bukan berugama Islam pun harus tidak di-biarkan menulis apa jua bentuk tulisan di-negeri ini yang membabit Ugama Islam dengan chara membabi-buta, yang tidak wajar, apa lagi yang merendahkan-nya melalui kebijaksanaan-nya menulis. Jika timbul tulisan2 yang demikian rupa, maka ia-nya juga merupakan satu penentangan terhadap chita2 untuk menuju ka-arrah menjadikan Islam itu sa-bagai Ideologi Negara sa-bagaimana yang di-titahkan.

Perkara ini bukan-lah hanya di-anggap sa-bagai satu perkara yang kecil sahaja, bahkan ia-nya harus di-pandang sa-berat2 pandangan khas-nya di-kalangan Umat Islam sendiri yang menyukong penoh untuk menjadikan Islam itu sa-bagai ideologi negara.

Penulis2 yang berugama Islam, kurang-lah wajar bagi mereka menulis dengan membabit hal2 yang berkaitan dengan ugama, jika pengetahuan mereka terhadap ugama itu sendiri terlalu tipis di-tambah lagi kurang-nya kewaspadaan mereka ketika menulis. Jika satu2 perkara itu kurang pasti untuk di-jadikan bahan penulisan mereka, maka ada-lah lebih baik surat untuk menchari bahan yang lain. Kalau penulis maseh juga bersikap hentam-keromo — buat asal terbit — buat asal ada nama dalam surat khabar dengan tidak memikirkan burok baik-nya, maka sikap itu ternyata tidak bertanggung-jawab, wala-hu pun kepada diri-nya sendiri.

Kerana itu, penulis2 harus mempunyai pengetahuan yang tidak tipis dalam satu2 perkara yang hendak di-tulis-nya, jika benar2 mereka mahu memenohi apa yang di-katakan "penulis ia-lah pemimpin masyarakat yang termulia". Hendak-nya nilai ini harus di-jaga dengan sa-baik2-nya oleh penulis2 dan yang hendak menjadikan diri-nya sa-bagai penulis.



Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Abu Bakar sedang menyampaikan piala kejohanan kepada johan qari, Awang Mornee bin Sanai.



Pegawai Daerah Belait, Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Kadhi Daerah Belait serta pegawai2 kanan kerajaan yang telah hadir untuk menyaksikan pertandingan membaca Quran perengkat Daerah Belait yang telah di-adakan di-padang KBRC pada 9hb. Septembar yang lalu.



DUA ORANG DI-PILEH MEWAKILI DAERAH BELAIT

AWANG Mornee bin Sanai dan Dayangk Khadzah binte Pengiran Omar telah di-pilih untuk mewakili Daerah Belait ka-pertandingan membaca kitab suci Al-Quran perengkat negeri yang akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan pada 29hb. dan 30hb. Septembar ini.

Awang Mornee dan Dk. Khadzah masing2 telah menjadi johan qari dan qari'ah dalam pertandingan membaca Quran perengkat Daerah Belait yang telah di-adakan di-padang KBRC pada 9hb. Septembar yang lalu.

Pertandingan itu telah di-rasmikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain, sementara hadiah2 kepada pemenang qari telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar dan isteri beliau telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 qari'ah.

Sa-ramai lapan orang yang mewakili kawasan2 di-Daerah Belait telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Di-samping menerima perisai dan lain2 hadiah Awang Mornee dan Dayangk Khadzah juga telah menerima hadiah tambang kapal terbang pergi dan balek ka-Kota Kinabalu yang di-hadiahkan oleh bekas Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan.

Isteri Pegawai Daerah Belait, Pg. Intan binte Pengiran Abdul Rahman sedang menyampaikan piala kejohanan kepada johan qari'ah, Dayangk Khadzah binte Pengiran Omar.

Sambutan Isra' dan Me'raj di-Kampung Lambak, Berakas

PENDUDOK2 Kampung Lambak. Berakas telah mengadakan sambutan Isra' dan Me'raj bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Datu Mahawangsa pada malam Jumaat lepas.

Beberapa acara telah di-adakan termasuk sharahan khas yang di-sampaikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Dalam sharahan-nya Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja antara lain menyeru umat Islam di-negeri ini supaya bersikap jujur dan amanah dalam melaksanakan sa-suatu perkara yang di-amanahkan kepada mereka.

Bachaaan ayat2 kitab suci Al-Quran dan persembahan zikir merhaban yang di-sampaikan oleh penuntut2 kelas dewasa Ugama Sekolah Melayu Datu Mahawangsa juga telah menyerikan sambutan tersebut.

Sambutan2 Isra' dan Me'raj juga telah di-adakan di-beberapa tempat di-seluruh negeri.

Pasokan zikir kelas dewasa Ugama Kampung Lambak ketika mempersembahkan zikir merhaban sa-bagai salah satu acara yang menyerikan sambutan Isra' dan Me'raj yang di-anjurkan oleh penduduk2 Kampung Lambak pada minggu lalu.

GAMBAR2 JABATAN HAL EHWAL UGAMA BAHAGIAN PENERANGAN



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain ketika menyampaikan sijil kenang2an kepada pemenang Mesjid Kampung Sengkurong yang telah mendapat tempat pertama kempen tersebut.



Pengetua Pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain ketika menyampaikan sharahan khas dalam sambutan Isra' dan Me'raj yang telah di-adakan di-Sekolah Melayu Datu Mahawangsa Kampung Lambak pada minggu lalu.



Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal ketika menghadhiri majlis penyampaian sijil2 kepada pemenang2 dalam kempen kebersihan mesjid2 di-Daerah Brunei-Muara yang telah berlangsung di-dewan Madrasah JHEU pada minggu lalu. Dudok No. 4 dari kanan ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain.

PENYAMPAIAN SIJIL2 KEMPEN KEBERSEHAN MESJID2 DAERAH BR/MUARA

PENGETUA Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Seruddin telah menyampaikan sijil2 dalam majlis "PENYAMPAIAN SIJIL2 KEMPEN KEBERSEHAN MESJID2 KAMPONG DAERAH BRUNEI/MUARA" yang telah berlangsung pada 16hb. Septembar, 1972 bertempat di-Dewan Madrasah Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kempen kebersihan itu ada-lah buat pertama kali-nya di-adakan di-Daerah Brunei/Muara yang di-kekelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei. Sementara kempen serupa ini juga telah pun di-adakan di-Daerah Tutong dan Temburong dalam tahun 1971 yang lalu.

Dalam majlis itu Yang Berhormat Pengetua Hal Ehwal Ugama telah mengingatkan, sa-telah selesai penghakiman ini bukan-lah berarti kempen kebersihan itu terhenti sa-takat itu sahaja, malahan ia-nya ada-lah berjalan terus dan merupakan satu ibadat semata2 kerana Allah serta meninggikan lagi mutu mesjid2 kampung Daerah Brunei dan Muara ini.

Menurut sa-orang juru chapak ahli jawatan kuasa itu bahawa sa-banyak 17 buah mesjid2 kampung Daerah Brunei/Muara telah di-hakimkan. Kempen itu telah mula berjalan sejak bulan Mei hingga-lah selesai penghakiman-nya pada bulan September tahun ini. Chara penghakiman-nya ada-lah di-bahagikan kepada dua bahagian iaitu: Bahagian 'A' (Bangunan Kekal Batu) dan Bahagian 'B' (Bangunan Sementara Kayu).

Keputusan-nya ada-lah seperti berikut: Bahagian 'A': Pertama Mesjid Kampung Sengkurong, kedua Mesjid Kampung Kilanas dan ketiga Mesjid Kampung Bunut.

Sementara dalam Bahagian 'B' pula: Pertama Mesjid Kampung Kasat, kedua, Mesjid Kampung Lumapas dan ketiga Mesjid Kampung Pengkalan Batu.

Sa-lain dari itu pemberian sijil2 kenangan juga telah di-berikan kepada Mesjid Kampung Sungai Besar, Mesjid Kampung Limau Manis, Mesjid Kampung Sungai Hanching, Mesjid Kg. Pulau Baru2, Mesjid Kampung Puduk, Mesjid Kampung Pulau Berbunut, Mesjid Kampung Pan-chur Murai, Mesjid Kampung Sa-lar (Tanah Jambu), Mesjid Kg. Jerudong, Mesjid Kampung Masin dan Mesjid Kampung Batu Marang.



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain ketika menyampaikan sijil kepada Imam Mesjid Kampung Sahr (Tanah Jambu), Jalan Muara.



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain ketika berucap sa-belum menyampaikan sijil2 dalam Majlis Penyampaian Sijil2 Kempen Kebersihan Mesjid Kampung di-Daerah Brunei-Muara pada hari Sabtu lepas.



Kadhi Daerah Brunei-Muara, Yang Di-Mulia-kan Pehin Begawan Mudim Haji Adnan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Kempen Kebersihan Mesjid2 Kampung di-Daerah Brunei-Muara ketika memberi ucapan di-majlis penyampaian sijil2 kepada pemenang2 dalam kempen tersebut.



Sambutan Isra' dan Me'raj di-Kg. Perpindahan malam ini

BERAKAS. — Persatuan Perpindahan Kampong Ayer Berakar, PERKA, akan mengadakan sambutan Isra' dan Me'raj pada malam ini bertempat di-Balai Raya, Kampong Jaya Setia, Berakas mulai jam 8.00 malam.

Setia Usaha Agong Persatuan PERKA, Awang Ismail bin Ibrahim berkata, di-antara achara2 yang akan di-persembahkan termasuklah peraduan membaca kitab suci Al-Quran, Peraduan membaca sajak dan sharahan khas mengenai riwayat hidup dan ajaran2 Nabi Mohamed s.a.w.

Majlis itu akan di-rasmikan oleh Awang Yahya bin Haji Haji Ibrahim, Penguasa Pelajaran Ugama. Beliau juga akan menyampaikan hadiah2 di-akhir pertandingan itu.

Orang ramai terutama penduduk2 di-Kampong Perpindahan, Berakas ada-lah di-jemput hadir menyaksikan majlis itu.

PEMAIN2 pasukan Kelab Pegawai2 Kerajaan dan Temburong bergambar bersama2 dengan perisai dan piala kemenangan mereka dalam perlawanan akhir badminton pada minggu lalu.

Pasukan Pegawai2 Kerajaan 'A' telah muncul sa-bagai johan, Temburong menjadi naib-johan dan pemenang ketiga ia-lah pasukan Kelab Pegawai2 Kerajaan 'B'.

Perlawanan tersebut di-anjarkan oleh Persatuan KEKAL sa-bagai sa-bahagian dari achara perayaan hari keputeraan DYMM Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-26 tahun.

Bekalan letrik ka-Kg. Mata-Mata

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Letrik telah meluaskan bekalan letrik-nya ka-Kampong Mata-Mata di-Jalan Gadong, Daerah Brunei/Muar.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan itu berkata, bekalan letrik sekarang boleh di-bekalkan ka-rumah2 di-kawasan itu.

Jabatan itu juga sedang bekerja bagi penyambongan bekalan letrik ka-Sungai Liang dari simpang jalan Bandar Seri Begawan/Belaat dan Andulau ka-Sekolah Chung Lian, sa-jauh kira2 satu batu.

Apabila siap nanti, rumah2 di-sapanjang jalan itu, akan di-bekalkan bekalan letrik.

Pepereksaan bahasa Melayu bagi orang2 yang bukan Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Kelas Dewasa, akan mengadakan pepereksaan Bahasa Melayu, bagi orang bukan Melayu pada bulan Disember tahun ini.

Pepereksaan itu, terbahagi kepada dua bahagian, ia itu — bahagian permulaan dua, empat, enam dan menengah dua.

Perkara2 yang akan di-pereksa, bagi pelajar2 kelas permulaan dua dan empat, ia-lah bacaan dan renchana rumi, lisan, Bahasa Melayu, karangan dan surat kiriman.

Pelajar2 kelas permulaan enam, dan menengah dua, akan di-pereksa dalam bacaan dan renchana rumi, bacaan dan renchana jawi, karangan dan surat kiriman, Bahasa Melayu dan lisan.

Pepereksaan itu akan di-adakan sa-lama empat hari, 4, 11, 12 dan 13hb. Disember, bertempat di-Sekolah Melayu Pusu Ulak SMJA, Bandar Seri Begawan, dan Sekolah Melayu Mohammad Alam, Seria.

Borang2 permohonan, yang boleh di-dapati dari guru2 kelas dewasa, mesti-lah di-kembalikan kepada Jabatan Pelajaran, tidak lewat dari 28hb. September.

"Museum Journal" sedang di-jual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Muzium Brunei telah mencetak 3,000 naskah majalah-nya (Museum Journal) yang kelima jilid dua, nombor 4 bagi tahun 1972.

Ia-nya sekarang di-jual di-Muzium di-Kota Batu, Muzium Peringatan Churchill, Bandar Seri Begawan, dan di-kedai2 menjual buku di-negeri ini dengan harga \$10.00 sa-naskah.

Majalah dalam bahasa Inggeris itu mengandungi 243 halaman dengan 12 renchana mengenai ilmu suku bangsa, sejarah, perkara sa-belum sejarah dan mengenai ilmu hayat.

Di-antara pengarang-nya ia-lah Awang B.R. Hewitt, Pemangku Pengarah Pertanian; Awang Robert Nicholl, sa-orang pegawai pelajaran dalam Perkhidmatan Pelajaran Brunei; Dato Tom Harrison, Profesor Mohamed Taib Osman dan Asmah Haji Omar.

Meshuarat agong KPKPKB yg. ke-IV

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kesatuan Perkhidmatan Kerani2 dan Peon2 Kerajaan Brunei akan mengadakan meshuarat agong tahunan yang ke-IV di-Bilek Kuliah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan pada 24hb. September mulai jam 8.30 pagi.

Sa-orang juruchakap bagi Kesatuan itu berkata, di-antara agenda2 yang akan di-binchangkan dalam meshuarat itu termasuklah melantek Ahli2 Jawatankuasa2 baru bagi tahun 1972/1973.

Juruchakap itu meminta kepada semua ahli2 Kesatuan supaya hadir di-mesuarat itu.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri daripada rayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut:-

DI-BAHAGIAN EKONOMI DAN PERANGKAAAN, PEJABAT SETIA USAHA KERAJAAN

A. PENYELIA MESHEN

Sukatan Gaji:

C.1 EB.2 — \$610-640-680/EB/710x30-950.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mempunyai Diploma dari mana2 Instituti yang di-iktiraf,

raf lulus mata-pelajaran Ilmu Hisab di-perengkat 'O', atau pun telah menjalani latehan dan mempunyai pengalaman bekerja dalam lapangan yang sama;

- boleh membaca dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan fahamnya.

B. PEGAWAI PENELITIAN

Sukatan Gaji:

C.1 EB.2 — \$610-640-680/EB/710x30-950.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mempunyai Diploma dari mana2 Instituti yang di-iktiraf, lulus mata-pelajaran

Ilmu Hisab di-perengkat 'O'; atau pun telah menjalani latehan dan mempunyai pengalaman bekerja dalam lapangan yang sama;

- boleh membaca dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan fahamnya.

C. KERANI PERANGKAAAN

Sukatan Gaji:

D. 1-2-3 EB.4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510 / EB / 540x20-660.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia aliran Inggeris, atau pun lulus 4 mata pelajaran termasuk Ilmu Hisab di-perengkat 'O' G.C.E.
- boleh membaca dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan fahamnya;
- keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 Perangkaan dan/atau pernah mengambil bahagian dalam projek2 Perangkaan seperti Banchi Penduduk dan Pertanian, Pengkajian Demography, dll.

Tugas2:

Chalun yang terpilih mungkin di-kehendaki bertugas di-luar pejabat.

DI-PEJABAT DAERAH BRUNEI/MUARA

D. TRADESMAN TINGKATAN KHAS

Sukatan Gaji:

D.3 — \$410x20-510.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- lulus sekurang2nya Darjah V Melayu atau yang sebanding dengan-nya;
- telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2nya selama 5 tahun, tiga tahun daripada tempoh tersebut sa-bagai Fitter;
- boleh memperbaiki dan memelihara jentera2 berat dan ringan, yang menggunakan petrol dan diesel, seperti truck, Land Rover, Wheel Loader (Bray dan Caterpillar), Grader, Roller, Fordson dan injin2 out-board;
- mempunyai lesen memandu kelas 3 dan 5 yang sah;
- berumur di-antara 30 hingga 40 tahun.

DI-JABATAN LAUT

E. KELASI TINGKATAN II, BAHAGIAN DEK

Sukatan Gaji:

F.2 EB. 3 — \$200x5-215/EB/220x5-240.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 16 tahun dan sebaik2nya tidak lebih dari 22 tahun dan telah tamat Darjah VI Melayu atau yang sebanding dengan-nya;
- mesti-lah sehat dan berbadan tegap, mempunyai penglihatan yang baik; boleh berenang tidak kurang dari 220 ela.

DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA, JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

K. PENYELANGGARA SETOR TINGKAT II

Sukatan Gaji:

D.2 EB. 3 — \$290x15-380/EB/410x20-510.

Kelayakan2:

Chalun2 untuk di-lantek ka-jawatan ini mesti-lah berumur sekurang2nya 17 tahun dan lulus sekurang2nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya.

DI-PEJABAT TANAH

L. PENOLONG PENAKSIR

Sukatan Gaji:

D. 1-2-3 EB.4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510 / EB / 540x20-660.

Kelayakan2:

- lulus Tingkatan V atau M.C.E. dalam aliran Inggeris dan mesti-lah boleh bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu dengan faham-nya;
- kebolehan menaip ada-lah perlu.

DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

M. PEMBANTU TEKNIK

Sukatan Gaji:

D. 1-2-3 EB.4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510 / EB / 540x20-660.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang boleh memperbaiki kerosakan2 injin outboard, projector atau kereta.

DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

N. MEKNIK MOTOR SANGKUT

Sukatan Gaji:

E. 1-2 EB. 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 hingga 40 tahun dan telah berkhidmat sekurang2nya selama 5 tahun sebagai Pemandu Motor Sangkut;
- mesti-lah boleh memperbaiki semua jenis injin out-board;
- mesti-lah tahu membaca dan menulis.

DI-PEJABAT DAERAH TEMBURONG

O. PEMANDU TINGKATAN II

Sukatan Gaji:

F.3 — \$220x5-240.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 35 tahun dan tahu membaca dan menulis;
- mesti-lah terdiri daripada pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu yang sah kelas 3 dan 5 dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu;
- boleh memperbaiki kerosakan2 kecil;
- Keutamaan akan di-beri kepada orang2 yang tinggal di-Daerah Temburong.

Permohonan2 mesti-lah di-pohonkan di-dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat daripada 25hb. September, 1972.

Di-Jabatan Bandaran

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang menjadi rayat Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

A. TRADESMAN TINGKATAN KHAS.

Sukatan Gaji:

D.3 \$410x20-510.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mohon2 mesti-lah lulus sekurang2nya Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang sebanding dengan-nya;
- mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah tetapi mempunyai sekurang2nya 5 tahun pengalaman bekerja sa-bagai mekenik kenderaan bermotor akan juga di-pertimbangkan.

B. PENGAWAS TINGKATAN II.

Sukatan Gaji:

D.3 \$410x20-510.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mohon2 mesti-lah lulus sekurang2nya Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang sebanding dengan-nya;
- pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah tetapi mempunyai sekurang2nya 5 tahun pengalaman dalam kerja2 kesihatan Bandaran akan juga di-pertimbangkan.

C. PENGAWAS KECIL.

Sukatan Gaji:

E.1-2-EB 3 \$220x10-290/EB/300x10-350.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mohon2 mesti-lah lulus sekurang2nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya;
- mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja2 bueh akan juga di-pertimbangkan.

D. MERINYU BANDARAN.

Sukatan Gaji:

D.1-2-3 EB 4 \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mohon2 mesti-lah lulus sekurang2nya Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang sebanding dengan-nya;
- pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah tetapi mempunyai sekurang2nya 5 tahun pengalaman dalam kerja2 kesihatan Bandaran akan juga di-pertimbangkan.

E. TRADESMAN TINGKATAN I.

Sukatan Gaji:

E.1-2 EB 3 \$220x10-290/EB/300x10-350.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mohon2 mesti-lah lulus sekurang2nya Darjah V Mela-

yu atau yang sebanding dengan-nya serta mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai mekenik injin2 yang menggunakan minyak petrol.

F. MANDOR.

Sukatan Gaji:

F.2 EB 3 \$220x5-215/EB/220x5-240.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mohon2 mesti-lah lulus sekurang2nya Darjah V Melayu atau yang sebanding dengan-nya;
- telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2nya sa-lama tahun dan mempunyai pengalaman mengawas dan mengawal pekerja2 buroh.

G. PENYELAMAT.

Sukatan Gaji:

E.1 2 EB 3 \$220x10-290/EB/300x10-350.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dengan faham-nya. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang mempunyai sesuatu Sijil Penyelamat yang di-iktiraf.

H. ATENDAN CLOAKROOM.

Sukatan Gaji:

E.1-2 \$220x10 290.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mohon2 mesti-lah lulus sekurang2nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang pernah bekerja sa-bagai atendan cloakroom di-Kolam Berenang Jabatan Bandaran.

I. PENJUAL TIKET.

Sukatan Gaji:

E.1-2 \$220x10-290.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mohon2 mesti-lah lulus sekurang2nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang pernah bekerja sa-bagai penjual tiket di-Kolam Berenang Jabatan Bandaran.

J. PEMANDU.

Sukatan Gaji:

F.3 \$220x5-240.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mohon2 mesti-lah mempunyai sijil memandu kelas 3 dan 5 yang sah dengan tidak pernah di-da'awa oleh kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh memperbaiki kerosakan2 kecil.

Permohonan2 mesti-lah di-pohonkan di-dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat daripada 9hb. Oktober, 1972.

JEMBATAN DI-SUNGAI MERAGANG SIAP DI-BENA

PEKAN BANGAR, TEMBURONG. — Jabatan Daerah Temburong telah berjaya menyiapkan sa-buah jambatan kayu yang menyeberangi Sungai Meragang di-Mukim Labu.

Jambatan yang panjang-nya 160 kaki dan lebar-nya 12½ kaki itu telah menelan belanja pembinaan-nya sa-banyak \$10,000.00 dengan bantuan kerja gotong royong dari buruh Pejabat Daerah itu dan penduduk2 di-Mukim Labu.

Lembaga Peperiksaan Pelajaran Agama

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berkenan melantek lapan orang menjadi ahli Lembaga Peperiksaan Pelajaran Agama bagi tempoh sa-lama tiga tahun mulai dari 7hb. Ogos, 1972.

Lantekan yang di-siarkan dalam Warta Kerajaan keluaran 26hb. Ogos, 1972 itu mengandungi sa-orang pengerusi, timbalan pengerusi, setia usaha dan lima orang ahli.

Penguasa Pelajaran Agama, Awang Yahya bin Haji Ibrahim di-lantek menjadi Pengerusi sementara Timbalan Kadhi Besar, Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal di-lantek menjadi timbalan-nya.

Setia Usaha Lembaga Peperiksaan Pelajaran Agama itu ia-lah Awang Abdul Hamid bin Mohd. Daud.

Lain2 ahli dalam lembaga itu ia-lah Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Awang Abd. Razak bin Mohammad, Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Awang Yahya bin Ahmad dan Tuan Haji Abd. Rahman bin Mohammad.

Waktu2 melawat ka-rumah sakit

ORANG ramai ada-lah di-ingatkan bahawa waktu2 melawat orang2 sakit di-rumah sakit besar Bandar Seri Begawan hanya di-benarkan pada masa2 yang tertentu sahaja.

Pada sebelah pagi orang ramai di-benarkan melawat dari jam 6.00 hingga 7.00 pagi; pada sebelah tengah hari dari jam 12.00 hingga 1.00 petang dan pada sebelah petang masa melawat ia-lah dari jam 5.00 hingga 6.00 petang.

Pegawai Perubatan Kanan Rumah Sakit Besar Bandar Seri Begawan meminta kerjasama orang ramai supaya mematuhi peraturan2 yang ditetapkan itu.

Pada mula-nya jambatan di-Sungai Meragang itu di-ranchangkan di-bena sa-chara konkret dibawah ranchangan perkembangan daerah itu, tetapi telah tidak dapat di-laksanakan pembinaan-nya atas sebab2 teknikal.

Dalam peringkat awal, pembinaan sa-chara konkret itu di-laksanakan oleh Sharikat Gammon yang bertanggung-jawab bagi pembinaan keseluruhan projek jalan raya di-daerah itu.

Sharikat itu telah pun memulakan kerja2 pembinaan-nya dengan memachakkan tiang2 besi sa-besar pemelok, tetapi kerja2 itu tidak dapat di-teruskan kerana sa-batang dari tiang2 besi itu telah pipih yang kemudian-nya di-katakan orang kerana di-sepit oleh tungguan udang-lah.

Penyasatan2 lanjut telah di-laksanakan atas kejadian yang di-katakan ganjil itu, tetapi pihak sharikat tersebut mendapati-nya melalui penyelidikan2 kejuruteraan yang di-jalankan bahawa kedudukan tanah di-sungai itu berkeadaan gambut atau tanah mengalun.

Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdullah bin Haji Jaafar menyatakan bahawa pembinaan jambatan konkret itu telah tidak di-teruskan dan Jabatan Daerah telah mengambil inisiatif untuk meneruskan pembinaan itu dengan peralatan2 kayu yang di-amal dari hutan daerah itu.

Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Dapa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail baru2 ini telah melawat ka-Pekan Bangar dan dalam lawatan itu beliau juga telah di-bawa melihat jambatan yang baru siap di-bena itu.

Sungai Meragang yang dalam-nya 17 kaki itu terletak di-Mukim Labu, kira2 10 batu ka-Timor Laut, Pekan Bangar.

Jambatan yang di-perbuat dari kayu itu boleh di-lalui oleh kenderaan sa-berat 5 tan, tetapi buat masa ini ia-nya hanya di-benarkan di-lalui oleh kenderaan sa-berat 3 tan sahaja.

Menurut Pegawai Daerah itu bahawa dengan siap-nya jambatan tersebut ia-nya merupakan satu jaminan kepada penduduk2 di-Mukim Labu, khas-nya dari Kampung Piasau2 untuk menepatkan mereka mengunjongi Pekan Bangar.

Untuk pergi ka-Bangar sa-belum siap-nya jambatan itu, penduduk2 di-situ terpaksa melalui sungai yang memakan masa lebih dari satu jam. Tetapi masa ini mereka boleh ka-Pekan Bangar dalam masa kira2 20 minit saja.

Di-samping itu, pada masa ini penduduk2 di-Mukim Labu sedang menjalankan kerja2 gotong-royong untuk memperbaiki jalan kecil menuju ka-Sekolah Melayu Labu Estate dan Pejabat Daerah telah memberikan kemudahan2 yang diperlukan seperti menyediakan kalbat dan pengangkutan.

Pegawai Daerah itu berharap supaya semangit penduduk2 di-Mukim Labu itu akan dapat di-chunthi oleh penduduk2 di-mukim2 yang lain dalam Daerah Temburong demi untuk memperkecapi kemajuan dalam daerah tersebut.



Ini-lah gambar jambatan kayu yang di-usahakan oleh Jabatan Daerah Temburong di-Sungai Meragang dalam Mukim Labu. Pegawai Daerah, Awang Abdullah (memakai tali lilit) kelihatan bersama2 dengan pegawai2 dan kakitangan di-jabatan daerah ketika melawat jambatan tersebut.

Empat kursus di-adakan tahun depan

(Dari muka 2)

Beliau juga menjelaskan bahawa pada tahun hadapan Bahasa Inggeris sa-bagai bahasa yang kedua akan di-ajarkan sa-chara formal bagi pelajar2 Darjah IV dan V di-sekolah2 Melayu.

Menyatakan ranchangan kursus itu pada tahun depan, Awang Suni berkata bahawa mulai awal Januari ini empat kursus lagi akan di-adakan dan berharap pada pertengahan tahun 1973 akan mencapai sa-jumlah 100 buah seko-

lah2 rendah Melayu di-seluruh negeri mempunyai guru2 yang telah menjalani kursus dalam pengajaran Bahasa Inggeris itu.

Menurut beliau lagi bahawa untuk kepentingan pelajar2 Darjah V dan VI, pelajaran Bahasa Inggeris itu akan di-laksanakan dengan sungguh2 bagi memudahkan murid2 itu menghadapi peperiksaan SRP dan sijil2 sa-terus-nya.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada pengelola kursus itu, Awang M. Williamson dan M.H. Walker, pegawai2 dalam Jabatan Pelajaran dan pnsarah2 yang di-perbantukan bagi melaksanakan kursus itu.

Dalam ucapan-nya, Awang Williamson menyatakan penghargaan-nya dan memuji guru2 yang menjalani kursus itu yang telah menunjukkan minat mereka dan berharap supaya mereka dapat mempraktikkan faedah2 dari kursus tersebut.

Kapada murid2 di-sekolah2 rendah Melayu pula, beliau menggesa supaya mereka tekun belajar Bahasa Inggeris dan menerima-nya dengan perasaan riang dan gembira.

Terdahulu dari itu, Guru Besar Sekolah Melayu SUAS Muara yang juga menjadi Pengerusi Kursus, Che'gu Suhaili bin Haji Abon telah juga menerangkan bahawa guru2 yang di-pilih mengikuti kursus itu bukan-lah berkelulusan dari sekolah Inggeris, tetapi mereka telah menunjukkan minat yang baik dan berkesan dalam bahasa tersebut.

Ini, kata-nya, ada-lah kerana bimbingan yang bijak dari pengelola kursus dengan bantuan pnsarah2-nya.

Upacara itu telah di-akhiri dengan penyampaian sijil2 kepada lapan orang guru yang berkursus oleh Awang Suni.

Guru2 yang menerima sijil2 itu ia-lah Awang Selamat bin Abd. Wahab, Awang Ahmad bin Haji Zainal (kedua2-nya dari SUAS Muara); Awang Suhaili bin Ladi dari Sekolah Melayu Tanah Jambu, Awang Noorhashim bin Abd. Rahman dari S.M. Sungai Hanching, Pengiran Husein bin Pengiran Haji Tengah dari S.M. Delima Satu, Awang Morshid bin Abd. Kahar dari S.M. Dato Gandi, Awang Abdul Razak bin Haji Untong dari Sekolah Melayu Sg. Besar dan Awang Md. Yusof bin Haji Muhammad dari S.M. Serasa.

Penulis2 di-seru supaya melahirkan tulisan yang membangun

(Dari muka 1)

Nurida tidak terkeluar dari dosa atau pahala", kata-nya.

Jika niat A.S. Nurida dalam cherpen itu ingin menyatakan bahawa hukum2 Allah yang membataskan perhubungan lelaki dan perempuan itu ada-lah salah, maka Pengetua Hal-Ehwal Agama itu menegaskan bahawa penulis tersebut ada-lah menjulok satu dosa yang mana penulis itu tidak percaya kepada hukum Allah.

Pengetua Hal-Ehwal Agama itu menyatakan keraguan-nya dari segi pegangan beragama penulis itu sama ada ia-nya sa-orang Islam atau pun bukan.

Kalau penulis itu orang Islam, maka beliau berharap mudah2an A.S. Nurida tidak akan menjadi pengikut Amrul Kais yang tersebut dalam buku Sejarah Kesusastraan Dunia yang di-namakan oleh Mohammad sa-bagai pendukong panji2 penyaer yang menuju ka-neraka.

Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Agama itu menyatakan sikap-nya yang memandang tinggi kepada penulis2 yang jujur yang dalam tulisan mereka ingin menyampaikan perutusan untuk membena masyarakat.

Beliau menyeru penulis2 tanah ayer supaya melahirkan tulisan2 yang dapat membantu kerajaan bagi membangun negeri ini yang berlandaskan nilai2 hidup yang tinggi sesuai dengan ajaran2 Agama Rasmi ia-itu Islam.